

**KUMPULAN SABDA
DULI YANG TERAMAT MULIA
PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE
BILLAH, MENTERI KANAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI
TAHUN 2015**

Terbitan:
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Pameran
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2016

Hak Cipta Terpelihara
Jabatan Penerangan

Penyelaras:
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Taip set/ Reka letak/ Kompilasi:
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Penyemak :
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir
Norhafilah binti Rosli
Nuralya Syazwani @ Nuraqimah binti Hj Ali Hasin

Kulit Luar:
Muhammad Al Khaliq bin Ali

Dicetak oleh:
Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd

ISBN
978-99917-49-91-4 (Edisi Baru/Kulit Lembang)

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Penyempurnaan Pengurniaan Waran-Waran Pesuruhjaya, Pingat-Pingat Pengakap Kepada Pemimpin-Pemimpin Pengakap Dan Sijil-Sijil Penghargaan Kepada Pengetua-Pengetua Dan Guru-Guru Besar Sekolah Yang Mempunyai Pasukan Pengakap di Dewan Serbaguna, Tingkat 5, Bangunan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong pada hari Sabtu, 30 Jamadilawal 1436 Hijrah / 21 Mac 2015 Masihi.

1 - 5

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa (Malam Rabu), 10 Rejab 1436 Hijrah / 28 April 2015 Masihi.

6 - 9

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Hari Autoriti Monetari Brunei Darussalam 2015 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, 10 Syaaban 1436 Hijrah / 28 Mei 2015 Masihi.

10 - 14

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Mesyuarat Ke-2 Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Bangunan Jabatan Perdana Menteri pada hari Selasa, 27 Ramadan 1436 Hijrah / 14 Julai 2015 Masihi.

15 - 19

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII) 2015 di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada hari Rabu, 18 Zulkaedah 1436 Hijrah / 2 September 2015 Masihi.

20 - 23

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sempena Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Ke-3, 2015 di Dewan Persidangan, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, 19 Zulkaedah 1436 Hijrah / 3 September 2015 Masihi. 24 - 28

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-7 Tahun 1436 Hijriah / 2015 Masihi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa (Malam Rabu), 2 Zulhijjah 1436 Hijrah / 15 September 2015 Masihi. 29 - 32

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Perkhemahan Sungai Akar pada hari Khamis, 9 Muharram 1437 Hijrah / 22 Oktober 2015 Masihi. 33 - 36

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
Sempena Majlis Penyempurnaan Pengurniaan Waran-Waran
Pesuruhjaya, Pingat-Pingat Pengakap Kepada Pemimpin-Pemimpin
Pengakap Dan Sijil-Sijil Penghargaan Kepada Pengetua-Pengetua
Dan Guru-Guru Besar Sekolah Yang Mempunyai Pasukan Pengakap
di Dewan Serbaguna, Tingkat 5, Bangunan Ibu Pejabat Persekutuan
Pengakap, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong
pada hari Sabtu, 30 Jamadilawal 1436 Hijrah /
21 Mac 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua kita dapat hadir di majlis yang sangat signifikan lagi bermakna ini khususnya kepada mereka yang akan dianugerahkan dan diberikan penghargaan dan kepada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) amnya.

Pada tahun ini genaplah usia 82 tahun Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam. Sebagai sebuah persekutuan yang terunggul di negara ini, saya gembira di atas kejayaannya selama ini dalam melahirkan ramai pemimpin yang berwibawa di pelbagai peringkat.

Malahan ada yang telah menjawat jawatan-jawatan penting dalam sektor kerajaan dan juga sektor swasta.

Inilah hasil program dan latihan kepimpinan yang dititikberatkan oleh persekutuan ini terutama ke arah memastikan kecemerlangan dalam membentuk individu yang terbaik.

Pada hemat saya pergerakan pengakap di negara ini adalah merupakan dukungan kepada sistem pendidikan negara. Jelasnya ianya adalah sebagai rakan penting dalam membantu ahli-ahlinya yang terdiri dari kalangan penuntut-penuntut sekolah ke arah membentuk perwatakan dan kepimpinan.

Tidak syak lagi melalui program-program yang disediakan, pergerakan pengakap telah berupaya menggalakkan individu-individu untuk bergiat aktif dan bertanggungjawab terhadap perkembangan diri sendiri agar menjadi individu yang lebih berdikari, komited, bertanggungjawab dan suka membantu.

Selain itu, apa yang juga kita mahu terapkan dalam setiap diri pengakap-pengakap muda ini ialah ilmu pengetahuan serta *soft skills* yang berasaskan nilai-nilai murni seperti sifat hormat, pemedulian dan daya tahan dengan sentiasa mementingkan perpaduan dan keharmonian.

Inilah aspek-aspek utama bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari semua sudut khasnya dalam kalangan para belia sebagai aset negara dan juga selaku generasi penerus ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Dalam hubungan ini saya menyeru persekutuan ini untuk mempergiatkan lagi usaha ke arah perkembangan dan pengemaskinian setiap aspek perencanaan program serta aktiviti-aktivitinya.

Ianya diharapkan akan terus relevan dan bersifat *outcome oriented* serta berupaya menghasilkan impak positif selaras dengan Pelan Strategik Kebangsaan 2014 - 2024 persekutuan ini.

Justeru itu penelitian dan pemantauan terhadap kemajuan inisiatif-inisiatif yang dimuatkan dalam pelan strategik berkenaan hendaklah sentiasa dilakukan secara teratur dengan berasaskan data-data penting dan lengkap.

Ini bertujuan untuk menilai keberkesanan program-program dan memastikan aktiviti-aktiviti persekutuan ini tidak terkeluar dari landasan strategik yang telah ditetapkan.

Ini termasuklah dalam perkara-perkara menangani permasalahan serta kelemahan yang dihadapi oleh persekutuan dan seterusnya memikirkan tentang cara terbaik sebagai langkah-langkah ke hadapan atau *ways forward* mengenainya.

Ini memerlukan penglibatan aktif secara sukarela dengan komitmen yang tinggi serta niat yang ikhlas dari semua Pesuruhjaya dan Pemimpin Pasukan Pengakap. Ini adalah mustahak dalam memperkukuh dan memperkesankan lagi setiap program yang telah dibentuk.

Demikianlah juga pentingnya bagi para Pesuruhjaya dan Pemimpin Pasukan Pengakap untuk sentiasa melengkapkan diri dengan *skill sets* dan pengetahuan terkini serta relevan. Ini adalah bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang akan dilaksanakan.

Menyentuh mengenai penggalakan penyertaan dalam kalangan para belia, persekutuan perlulah melihat semula keberkesanan pendekatan yang diambil pada masa ini dalam mempromosi dan menarik penyertaan mereka.

Kolaborasi dan perundingan yang kerap serta progresif di peringkat strategik di antara persekutuan dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan institusi-institusi pengajian dan juga pihak swasta di negara ini adalah wajar untuk diteruskan dalam hasrat untuk merealisasikan matlamat berkenaan.

Dalam hal ini saya juga berpendapat bahawa penyediaan laman sesawang (*website*) Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam yang dilancarkan pada hari ini adalah juga merupakan satu pendekatan yang baik.

Ianya membolehkan golongan muda yang kerap diperkatakan sebagai generasi siber menyumbang secara langsung kepada usaha dan langkah untuk memperkenalkan persekutuan ini di arena antarabangsa.

Insyallah dengan usaha gigih dan pendekatan yang terarah tersebut, saya penuh percaya dan yakin bahawa Persekutuan Pengakap berupaya untuk menanai tanggungjawab ini ke arah melahirkan para ahli pengakap yang berkualiti khususnya kalangan para belia agar menjadi individu yang berakhlak mulia, berdisiplin, taat beragama dan berjiwa besar.

Ianya adalah juga selaras dengan titah Paduka Ayahanda tentang peranan belia pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-9 Tahun 2014 bahawa para belia memainkan peranan yang sangat besar dalam memelihara dan mengangkat martabat negara serta merupakan golongan paling berpotensi untuk mencorakkan bangsa dengan apa jua corak yang mereka mahu.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada mereka yang akan dianugerahkan Pingat Jasa Kebaktian Pengakap dan Pingat Jasa Cemerlang Pengakap pada hari ini.

Penganugerahan ini adalah merupakan manifestasi kegigihan serta jasa bakti yang telah dicurahkan selama berkhidmat dalam persekutuan ini. Semoga semangat dan ketulusan ini akan terus kekal di masa mendatang.

Begitu juga kepada pengetua-pengetua sekolah dan guru-guru besar yang akan menerima sijil-sijil penghargaan bagi pihak sekolah masing-masing.

Sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam usaha-usaha persekutuan ini hendaklah terus dipergiatkan dengan hasrat agar lebih banyak lagi sekolah-sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi serta universiti-universiti menubuhkan pasukan pengakapnya sendiri.

Pada mengakhirinya saya selaku Ketua Pengakap, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam berharap agar persekutuan ini akan terus proaktif menganjurkan pelbagai aktiviti yang menjurus kepada menyemarakkan semangat sukarelawan dan patriotik dalam memupuk perpaduan dalam bermasyarakat.

Di samping itu usaha juga perlu dipertingkatkan dalam membentuk perwatakan dan menerapkan minda positif (*positive mindset*) menerusi nilai-nilai murni demi melahirkan generasi muda yang cemerlang.

Dengannya saya yakin bahawa persekutuan ini berupaya membantu usaha-usaha kerajaan ke arah mengekalkan keharmonian dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
Sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian
Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1436 Hijrah/2015
Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas pada hari Selasa (Malam Rabu), 10 Rejab 1436 Hijrah /
28 April 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua dapatlah kita bersama-sama hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1436 Hijrah bersamaan 2015 Masihi. Semoga kehadiran kita semua di majlis yang berkebakikan ini akan dikurniakan keberkatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis Musabaqah ini sudah tidak syak lagi merupakan salah satu syiar kemuliaan Islam yang penting di negara ini. Alhamdulillah setakat ini kita telah berjaya mengunggulkannya secara berterusan sehingga kini mencapai tahun ke-55. Usaha murni ini adalah sejajar dengan wawasan 'Negara Zikir' yang Paduka Ayahanda ilhamkan ke arah mendorong pembangunan masyarakat, bangsa dan generasi yang sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam dan kitab suci Al-Qur'an sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam.

Justeru seiring matlamat wawasan bagi melahirkan ‘rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya’, kita juga perlu memberikan fokus kepada pembangunan generasi yang berilmu, beramal dan berakhlak mulia serta memiliki minda yang terus berusaha untuk memartabatkan kesucian Islam.

Dalam kata lain kita mahu membentuk generasi yang mematuhi apa jua ajaran yang terkandung di dalam Al-Qur’an yang kaya dengan sumber rujukan dan khazanah pembelajaran sepanjang zaman yang syumul. Dengan wawasan yang berlandaskan Al-Qur’an tersebut negara kita dapat ‘Membina Generasi Al-Qur’an’ yang menjurus kepada kecemerlangan umat yang terbaik dan seimbang sebagai teladan kepada umat-umat lainnya.

Firman Allah Subhanahu Wata’ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 143 yang antara lain maknanya :

“Dan demikianlah Kami jadikan kamu umat yang adil dan pilihan supaya kamu menjadi saksi ke atas manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah pula akan menjadi saksi atas perbuatan kamu.”

Pada hemat saya pembentukan Generasi Al-Qur’an yang mantap rohani dan jati diri adalah bermula dari dalam diri setiap individu itu sendiri. Seorang mukmin yang sejati perlu berusaha membentuk sahsiah untuk menjadi seorang hamba yang berilmu dan berkemahiran.

Usaha ini hendaklah diadun dengan keazaman untuk membina kehidupan sebagai generasi yang berkemampuan untuk memelihara kesejahteraan dan keharmonian negara di atas prinsip kesatuan ummah yang diredai. Darinyalah juga bermula titik tolak keperluan untuk melahirkan tunas-tunas generasi sebagai bakal pemimpin kepada kaum keluarga, rakan, jiran dan masyarakat dalam menjamin suasana negara yang akan terus aman dan makmur.

Bagi kesinambungan pembangunan kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara yang progresif dan dinamik, saya berpendapat penerapan tiga nilai insaniah berikut sebagai teras jati diri yang saling berkait rapat.

Pertama, sentiasa ingat kepada Allah dalam segala tindak tanduk untuk mengelak dari kefasikan. Secara langsung amalan ini setentunya dapat membina keperibadian individu Muslim yang beriman dan bertakwa, amanah lagi jujur, bersifat benar, tekun dan ikhlas. Ianya dapat juga memupuk semangat kerja berpasukan, menjaga hubungan silaturahim, serta mencintai khidmat dan menabur bakti semata-mata demi kemaslahatan ummah.

Kedua, bermuhasabah diri bagi mencapai insan kamil iaitu generasi yang mempunyai prinsip perjuangan dan perjalanan hidup yang sempurna. Ini bermaksud kita sentiasa menilai kembali dan menimbangkan semula segala tindak-tanduk ke arah menghasilkan pembaikan yang berterusan selaras dengan maksud Surah Al-Hashr ayat 18:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah tiap-tiap diri memperhatikan apa yang Dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari Akhirat) dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.”

Dan ketiga, istiqamah dalam merubah diri ke arah kebaikan dan bukannya hanya berserah kepada takdir semata-mata. Ini bersandarkan kepada janji Allah Subhanahu Wata’ala untuk tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

Dengan asas teras sedemikian, ‘Generasi Al-Qur’an’ yang kita hasratkan itu akan sentiasa mempunyai hubungan kerohanian dengan Allah melalui kefahaman dan pengertian yang mendalam tentang peranan kehidupan dalam diri dan masyarakat serta ummah.

‘Generasi Al-Qur’an’ perlu menanamkan minda terbuka untuk secara berterusan memperluaskan khazanah ilmu dengan sentiasa mengkaji, meneliti dan menyampaikan ilmu-ilmu yang terdapat di dalam Al-Qur’an. Generasi ini juga diharapkan dapat mencetuskan idea-idea bernas yang menepati syariat serta boleh diketengahkan dan dimanfaatkan khususnya ke arah pembangunan jati diri bangsa dan negara yang dihasratkan.

Saya berpendapat bahawa di sinilah juga ‘Generasi Al-Qur’an’ selaku generasi pewaris untuk seterusnya berperanan memberikan gambaran sebenar terhadap kesucian Islam serta menepis stigma dalam pergolakan global semasa yang dikaitkan dengan Islam. Ianya termasuklah mengawal dan membasmi fahaman sempit dan sesat yang bertentangan dengan syariat. Mereka adalah generasi teladan yang akan menegakkan syiar Islam serta memastikan kebangkitan ummah dan tamadun Islam dalam era kemajuan pengetahuan serta komunikasi tanpa sempadan.

Secara ringkasnya mereka adalah pewaris kepada khazanah dan mempusakai amanah yang masing-masing ditinggalkan oleh para nabi dan para ulama silam untuk seterusnya memimpin masyarakat kembali ke pangkuan Allah sebagaimana maksud Surah Ali ‘Imran ayat 110:

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia, kamu disuruh mengerjakan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta kamu beriman kepada Allah.”

Akhirnya dengan mendahulukan kalimah ‘Bismillahir Rahmanir Rahim’ selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Pertandingan Membaca Al-Qur’an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1436 Hijrah.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
pada Majlis Pembukaan Rasmi Hari Autoriti Monetari
Brunei Darussalam 2015
di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas
pada hari Khamis, 10 Syaaban 1436 Hijrah / 28 Mei 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua dapatlah kita bersama-sama hadir di Majlis Perasmian Hari Autoriti Monetari Brunei Darussalam 2015.

Akses dan celik kewangan merupakan agenda global yang semakin mendapat perhatian pada masa ini. Ianya dikenalpasti sebagai mekanisma yang berkesan untuk menangani isu kemiskinan dan secara tidak langsung dapat merangsang pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.

Di samping itu kajian juga menunjukkan bahawa sebuah masyarakat yang *financially inclusive* turut berperanan membantu mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan khususnya dalam menjana peluang pekerjaan, meningkatkan tahap pendidikan, tahap *insurance penetration*, kualiti kehidupan serta simpanan dan pemilikan aset. Semua ini akan seterusnya menyumbang kepada kedayatahan kewangan orang ramai.

Justeru tema Hari AMBD iaitu '*Facilitating Your Financial Future*' adalah sangat relevan dan bertepatan. Ini mengambil kira kepelbagaian produk dan perkhidmatan kewangan yang semakin inovatif masa kini dan juga pentingnya orang ramai untuk mendapatkan akses kewangan serta memiliki pengetahuan asas mengenai pengurusan kewangan.

Konteks pengurusan kewangan yang dimaksudkan adalah meliputi amalan menabung untuk masa hadapan termasuk menyediakan perlindungan kewangan bagi diri sendiri, keluarga dan harta benda melalui insurans atau takaful yang bersesuaian.

Sebagai tambahan, produk pelaburan adalah merupakan salah satu kaedah pengurusan kewangan alternatif yang boleh diterokai oleh mereka yang berkemampuan dan celik kewangan. Ke arah itu adalah amat penting pengetahuan celik kewangan disebarluaskan kepada setiap peringkat masyarakat serta tahap pendapatan.

Ke arah memahami tahap kefahaman kewangan orang ramai, saya gembira mendapat maklum bahawa AMBD dengan kerjasama Pusat Pengajian Strategik dan Polisi sedang menjalankan kajian mengenai Celik Kewangan Kebangsaan.

Dapatan daripada kajian awal terhadap seribu lima ratus dua puluh satu (1,521) isi rumah merumuskan bahawa sebilangan penduduk negara ini mempunyai kefahaman kewangan, tabiat dan perilaku kewangan yang sederhana.

Secara spesifik dari sejumlah isi rumah tersebut, tiga puluh empat peratus (34%) tidak mempunyai perancangan bagi perbelanjaan isi rumah; empat puluh sembilan peratus (49%) tidak membuat simpanan secara aktif; dan dua puluh empat peratus (24%) memerlukan pinjaman untuk membiayai keperluan seharian. Manakala tiga puluh dua peratus (32%) daripada isi rumah tersebut tidak mengetahui kadar kaedah yang dikenakan ke atas tunggakan kad kredit masing-masing.

Jelas sekali statistik berkenaan menggambarkan bahawa tahap pengetahuan serta tabiat dan perilaku kewangan orang ramai perlu dipertingkatkan dan diperbaiki ke arah memperkasakan masyarakat yang celik kewangan.

Setentunya juga hasrat ini memerlukan kerjasama padu daripada semua pihak yang berkepentingan khususnya agensi kerajaan yang berkenaan, institusi kewangan dan termasuk AMBD.

Saya juga amat bimbang bila mana mengetahui sebilangan besar orang awam tidak mempersiapkan simpanan yang mencukupi di samping akses kepada kemudahan pembiayaan. Tidak hairan apabila terdesak sesetengahnya membuat pilihan yang tidak bijak dengan mendapatkan sumber kewangan daripada pihak yang tidak berlesen. Terdapat juga sebilangan lainnya yang mudah terpengaruh dengan skim pelaburan cepat kaya.

Perilaku sedemikian amatlah merbahaya. Ianya berupaya menjerumuskan seseorang kepada bebanan hutang yang berlebihan atau sebaliknya menanggung risiko kerugian serta terlepas dari perlindungan undang-undang berkaitan.

Justeru saya ingin menekankan tentang peri mustahaknya pengetahuan serta amalan pengurusan kewangan yang bijak dan berhemat bagi memenuhi keperluan diri dan masa depan keluarga. Ianya termasuklah mengatur perancangan ke hadapan bagi memiliki rumah kediaman sendiri serta persediaan untuk membantu meningkatkan tahap pendidikan anak-anak. Ini juga merangkumi keperluan untuk menyediakan perbelanjaan harian termasuk budaya menabung bagi menampung berbagai keperluan sepanjang hayat. Amalan terbaik ini perlulah dipupuk bermula dari seawal peringkat kanak-kanak secara berdisiplin.

Alhamdulillah dengan inisiatif kerajaan Paduka Ayahanda, penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan pengenalan Skim Pencen Caruman Tambahan adalah sebahagian usaha bagi memberikan perlindungan sosial serta membantu warga pekerja di sektor awam dan swasta untuk membuat simpanan persaraan sebagai pelengkap kepada simpanan persendirian.

Ke arah itu AMBD akan terus bekerjasama dengan TAP untuk meneruskan usaha dan inisiatif bagi memastikan kesejahteraan serta kebajikan masa depan orang ramai sentiasa dilindungi dan dipelihara.

Di samping di peringkat individu dan keluarga pada hemat saya pengetahuan celik kewangan juga perlu dilaratkan kepada golongan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Ini kerana secara amnya mereka juga menghadapi cabaran dalam mendapatkan akses kemudahan kewangan termasuklah pembiayaan mikro-kredit PKS. Perkara ini antara lainnya berpunca dari kelemahan dalam kemahiran pengurusan kewangan serta kepincangan dalam penyediaan penyata kewangan yang berkesan.

Lazimnya sebahagian PKS berkenaan telah memilih untuk menggunakan produk pembiayaan yang tidak bersesuaian dan lebih membimbangkan lagi bila mana mereka mendapatkan sumber kewangan atau pembiayaan daripada pihak yang tidak berlesen.

Oleh itu AMBD adalah turut berperanan untuk secara berterusan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif dan melebarkan akses kepada produk kewangan dan pelaburan untuk setiap peringkat masyarakat serta pelanggan.

Di samping itu institusi kewangan yang dilesenkan adalah disarankan untuk menawarkan kepelbagaian produk yang berunsurkan simpanan dan penjimatan bagi saling mendukung inisiatif untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara yang lebih progresif serta mapan.

Akhirnya saya penuh berkeyakinan bahawa orang ramai termasuk komuniti peniaga secara umumnya akan dapat saling meraih manfaat khususnya dalam meningkatkan kefahaman serta pengetahuan kewangan masing-masing semasa berlangsungnya acara Hari AMBD 2015 ini.

Maka dengan melafazkan kalimah ‘Bismillahir Rahmanir Rahim’ serta bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala, saya sukacita merasmikan Hari AMBD 2015. Pada mengambil sukut majlis ini serta kepentingan untuk menyemai dan menerapkan budaya menabung di kalangan seluruh masyarakat di negara ini, saya dengan amat sukacita mengisytiharkan 28 Mei 2015 sebagai ‘Hari Menabung Kebangsaan’ yang pertama.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Sempena Mesyuarat
Ke-2 Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang
Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di
Bangunan Jabatan Perdana Menteri pada hari Selasa,
27 Ramadan 1436 Hijrah / 14 Julai 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita akan menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Paduka Ayahanda Yang Ke-69 Tahun.

Sambutan tradisi turun-temurun ini tidak syak lagi merupakan satu simbol kekukuhan perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini dan adalah sinonim dengan kemajuan, keamanan dan kemakmuran berterusan yang terhasil dari kepimpinan seorang raja yang bijaksana lagi berjiwa rakyat.

Paduka ayahanda telah meneraju kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai dan kita nikmati sehingga kini yang mana berpaksikan iltizam dan pandangan jauh serta sikap pemedulian untuk sentiasa menitikberatkan perkara-perkara asas dalam menjaga serta memelihara kepentingan rakyat dan penduduk.

Justeru itu peluang untuk menzahirkan kesyukuran terhadap keamanan dan kemakmuran yang dinikmati tersebut seharusnya ditonjolkan melalui pengungkayahan majlis-majlis dan acara-acara sambutan nanti.

Maka adalah mustahak bagi setiap yang dirancang tersebut sebolehnya berupaya untuk membuka peluang dalam menarik penglibatan yang aktif lagi bermakna dan sepadu di kalangan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) termasuk penuntut-penuntut sekolah dan belia serta rakyat dan penduduk negara ini amnya.

Di sinilah tanggungjawab kita selaku Jawatankuasa Tertinggi untuk terus mencetuskan pemikiran-pemikiran bernas serta pembentukan perencanaan yang strategik, terarah lagi teratur bagi tujuan penambahbaikan dan pembaharuan yang perlu dengan bersandarkan kepada pengalaman-pengalaman lalu.

Ke arah itu kita mengambil iktibar dari setiap kelemahan dan kekurangan yang lepas dan meningkatkan lagi azam, iltizam dan juga memperkukuh kebertanggungjawaban kita bagi memastikan kesempurnaan majlis dan acara-acara sambutan.

Di sinilah kita boleh menghargai nilai dan hasil positif dari mengadakan mesyuarat *post-mortem* seperti yang telah saya timbulkan pada mesyuarat tahun lepas di samping perlunya ada maklumat-maklumat yang sahih serta data-data dukungannya agar perbincangan itu nanti berasas dan realistik.

Pada hemat saya kita perlu memberikan fokus terhadap inti pati atur cara-atur cara sambutan supaya ianya mampu menarik lebih banyak penyertaan dan kehadiran setiap peringkat masyarakat.

Matlamat kita adalah jelas iaitu untuk mengukuhkan perpaduan rakyat dan penduduk di negara ini terutama melalui sambutan majlis-majlis bersama rakyat di keempat daerah.

Kita mahu memupuk kesepakatan melalui permuafakatan yang terhasil dari pemikiran-pemikiran yang bukan sahaja *government driven* akan tetapi terbit dari gabungan idea-idea bersama pihak-pihak swasta, NGOs termasuk golongan belia dan lebih penting lagi orang ramai amnya.

Dengan demikian kita dapat merancang semua acara yang bersifat universal yang malah turut mewujudkan rasa kekitaan dan kesatuan (*sense of belonging and togetherness*) di kalangan setiap peringkat rakyat dan penduduk.

Pada pendapat saya sumbangan pemikiran dan penglibatan rakyat dan penduduk secara amnya itu boleh sahaja ditangani di peringkat Jabatan-Jabatan Daerah dengan kerjasama Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Justeru setiap penghulu dan ketua kampung perlu memainkan peranan mustahak mereka selaku pemimpin yang menjadi tunjang kepada menggerakkan dan menggalakkan penglibatan anak-anak buah kampung masing-masing dalam merebut peluang keemasan ini untuk hadir beramai-ramai ke majlis-majlis bersama rakyat yang diungkayahkan nanti.

Ini bukan sahaja melambangkan perpaduan dan kesepakatan rakyat dan penduduk yang kukuh pada menzahirkan rasa kesyukuran, penghargaan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis paduka ayahanda.

Oleh itu mereka perlu membuat perancangan dan pendekatan yang bijak lagi teratur pada peringkat awal lagi.

Pada tahun ini sekali lagi tarikh Ulang Tahun Hari Keputeraan Paduka Ayahanda Yang Ke-69 Tahun berkebetulan dengan bulan Ramadan yang suci dan penuh keberkatan ini.

Namun demikian sebagaimana juga pada tahun lepas, tarikh 15 Julai akan tetap disambut.

Sehubungan ini Paduka Ayahanda juga telah mengurniakan titah perkenan bagi istiadat-istiadat dan majlis-majlis serta upacara-upacara utama sambutan pada tahun ini seperti berikut:

- Bagi memperingati tarikh Ulang Tahun Keputeraan Paduka Ayahanda pada 15 Julai 2015 tersebut seperti mana juga di tahun lepas tembakan meriam sebanyak 21 das akan diadakan pada sebelah pagi sementara Majlis Doa Kesyukuran diadakan dalam waktu Zuhur.

- Acara-acara sambutan perayaan utama dan acara-acara keraian yang lainnya akan bermula pada 15 Ogos 2015 dengan dimulakan Istiadat Perbarisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan disusuli dengan Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman; dan

- Tarikh 15 Ogos diperkenankan sebagai hari cuti khas.

Saya penuh yakin bahawa jawatankuasa ini telah membuat penyesuaian terhadap perencanaan dan pengungkayahan acara-acara sambutan termasuklah dalam bulan yang mubarak ini.

Bagaimana pun dalam melakar setiap perancangan tersebut, ianya haruslah terpandu oleh titah-titah paduka ayahanda khususnya dalam perkara-perkara melibatkan kemaslahatan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk pada memperolehi petunjuk, keredaan serta keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan buah fikiran, tenaga, usaha dan masa Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Tadbir Tertinggi di Peringkat Daerah-Daerah, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja dan semua yang terlibat dalam

pengendalian acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Paduka Ayahanda pada tahun lepas.

Akhirnya selaku Penaung Jawatankuasa Kebangsaan ini saya penuh yakin Ahli-Ahli Jawatankuasa di permesyuaratan pada pagi ini akan sama-sama memberikan pandangan dan pendapat yang bernas lagi berguna ke arah memastikan kesempurnaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Paduka Ayahanda Yang Ke-69 Tahun pada tahun ini.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
di Majlis Perasmian Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII
(KAIB VIII) 2015
di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
pada hari Rabu, 18 Zulkaedah 1436 Hijrah /
2 September 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH segala puji dan syukur ke hadrat Allah
Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia dan rahmat-Nya jua dapatlah
kita berkumpul di Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Kali Kelapan
yang bertemakan 'Melestari Da'wah dan Tamadun Islam Di Borneo'.

Saya gembira mengetahui bahawa konferensi ini adalah hasil
jalinan kerjasama strategik antara Universiti Islam Sultan Sharif
Ali, Universiti Teknologi Mara Sarawak dan Pusat Da'wah Islamiah
Brunei Darussalam selaras dengan wadah bagi memperbanyak dan
memperluaskan perbincangan ilmiah khususnya mengenai tamadun dan
syiar Islamiah di Kepulauan Borneo.

Da'wah Islamiah bertapak di bumi Darussalam semenjak zaman
Sultan Muhammad yang telah menerima Islam sebagai pegangan hidup
lebih dari 600 tahun yang lampau. Syiar Islam telah membawa perubahan
kepada corak pentadbiran serta identiti negara ini kepada sebuah negara
Islam yang bertamadun dengan calak sosio-budayanya yang tersendiri.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Paduka Nenda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien secara rasminya telah meletakkan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan Mazhab Syafie ke dalam Perlembagaan Brunei 1959 sebagai manifestasi keutuhan tamadun dan syiar Islam.

Usaha melestari dakwah dan tamadun Islam tersebut terus dipelopori serta diperkembangkan secara berterusan dalam sistem pemerintahan Paduka Ayahanda. Kesenambungan syiar kegemilangan Islam telah dimanifestasikan menerusi gagasan 'Negara Zikir' yang berpaksikan kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah. Gagasan ini yang dijalin dan diterapkan oleh konsep Melayu Islam Beraja (MIB) adalah saling lengkap-melengkapi dan berperanan memantapkan pembangunan kerohanian seiring dengan kepentingan pembangunan intelektual, sosial dan ekonomi.

Pada hemat saya calak pembangunan yang inklusif serta holistik ini adalah satu *platform* yang paling pragmatik dan efektif kepada pembangunan masyarakat khususnya generasi penerus ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Di samping itu penerapan nilai-nilai murni Islam adalah juga teras dan pemangkin kepada aspirasi untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi dengan memiliki kualiti hidup yang tinggi dan sekitaran pembangunan ekonomi yang dinamik lagi berdaya tahan.

Perkara ini adalah sinonim dengan ajaran Islam yang menganjurkan pembangunan umat yang cemerlang dan dinamik. Ini dicapai menerusi penguasaan ilmu-ilmu duniawi bagi kemajuan serta kesejahteraan manusia sejagat di samping mempersiapkan ilmu ukhrawi sebagai bekalan kegemilangan kehidupan di alam akhirat. Di sinilah letaknya keindahan tamadun Islam. Ia mempunyai upaya yang tinggi dalam memelihara dan menjaga kesinambungan kualiti kehidupan umat manusia yang didukung oleh sistem perdagangan dan ekonomi yang adil lagi saksama.

Justeru usaha bersepadu dan terarah di gugusan alam Nusantara adalah amat relevan dan sudah sampai masanya bagi disediakan sebuah pelan strategik dan pelaksanaannya bagi memastikan tamadun dan syiar Islam akan terus dipelihara dengan melestarikan peranan dakwah. Perkara ini adalah penting bagi menyatupadukan masyarakat setempat dan serantau yang sentiasa dibelenggu oleh berbagai masalah dan gejala sosial yang sebahagian besarnya berpunca dari sikap manusia yang secara sedar atau sebaliknya melanggar perintah dan larangan Allah yang terang lagi jelas.

Pada hemat saya di sinilah peranan penting dakwah tersebut iaitu ke arah memantapkan semula penyebaran ilmu tauhid yang juga menjurus kepada mewujudkan semula sistem kepercayaan ke arah kesejagatan tamadun Islam serta maqasid syariah.

Dalam hal ini institusi pengajian tinggi sudah setentunya turut memainkan peranan penting khususnya dalam mengenalpasti isu-isu yang perlu ditangani bersama. Ini termasuk dalam menghadapi serta mengharungi ketidaktentuan situasi sosial dan ekonomi era global semasa.

Saya menaruh kepercayaan penuh bahawa Konferensi KAIB Kelapan ini akan dapat mengupas serta mencetuskan pemikiran-pemikiran bernas yang boleh dibawa ke hadapan khasnya bagi menyebarkan dan mengukuhkan tamadun Islam di rantau ini. Seperti yang kita sama ketahui Kepulauan Borneo adalah merupakan sebahagian alam Nusantara yang memiliki banyak persamaan budaya serta masyarakat Islam yang berpegang teguh kepada akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Kekuatan serumpun ini adalah diharapkan sebagai pemangkin kepada jalinan usahasama di antara ahli-ahli akademik yang berlainan latar belakang dan kepakaran ilmu untuk seterusnya mencari ruang serta menerokai peluang-peluang bagi menyatupadukan masyarakat dan ummah.

Perkara ini adalah juga selaras dengan cabaran bagi menjayakan Komuniti ASEAN menjelang penghujung tahun ini yang merupakan satu perjalanan yang akan memberikan dimensi baru kepada sumbangan tamadun Islam kepada matlamat sosio-ekonomi serantau.

Dalam masa yang sama kolaborasi di antara institusi pengajian tinggi Kepulauan Borneo juga perlu dimanfaatkan menerusi berbagai bentuk aktiviti ilmiah ke arah mengemaskini dan memantapkan kurikulum, penganjuran bengkel dan forum mengenai isu dan cabaran serantau serta penerbitan dan penyelidikan yang merentasi disiplin masing-masing.

Ke arah itu saya penuh berharap agar dapatan serta resolusi konferensi ini dapat mencapai dan merealisasikan objektif penganjurannya. Tidak kurang pentingnya konferensi ini juga dapat membuka minda serta melihat lebih jauh ke hadapan kebersamaan dan impak cabaran era globalisasi dan peranan media sosial khususnya dalam mengembangkan dakwah dan Syiar Islamiah.

Akhirnya dengan berkat kalimah ‘Bismillahir Rahmanir Rahim’ selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam saya dengan sukacita merasmikan Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Kelapan.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Sempena Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Ke-3 2015
di Dewan Persidangan, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Pada hari Khamis, 19 Zulkaedah 1436 Hijrah /
3 September 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa 'Aalihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SAYA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta kurnia-Nya juga kita dapat berkumpul dan menghadirkan diri dalam Majlis Haflut Takharruj Diploma 'Aliyah Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Ketiga.

Saya seterusnya mengucapkan tahniah kepada graduan-graduan yang diraikan pada hari ini. Sesungguhnya semua ini terhasil dari daya usaha, kegigihan dan sifat sabar masing-masing dalam menjalani pembelajaran.

Saya sangat yakin bahawa kejayaan yang dicapai ini adalah merupakan titik tolak permulaan bagi setiap graduan ke arah bersiap sedia untuk berkhidmat dan menabur bakti kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Alhamdulillah sejak penubuhan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah pada tahun 1993 hingga sekarang kita telah berjaya melahirkan seramai lebih daripada 200 orang Huffaz. Dari jumlah tersebut saya difahamkan seramai 40 orang telah diiktiraf lulus dalam Ujian Tasmie Menghafaz Al-Qur'an 30 Juzuk peringkat negara. Tidak syak lagi tanggungjawab sebagai seorang penghafaz Al-Qur'an adalah sangat mencabar. Ianya memerlukan penjagaan keterampilan diri dari kedua-dua aspek kerohanian dan juga lahiriah.

Memelihara kedua-dua aspek tersebut perlulah dilihat secara serius terutama sekali pembawaan diri dalam pergaulan. Ini kerana seorang penghafaz itu dilihat sebagai *role model* terbaik dan mulia dari pandangan masyarakat.

Perkara berhubung keterampilan dan akhlak sedemikian ini adalah menjurus kepada akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana maksud firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Qalam ayat 4 :

“Dan sesungguhnya engkau wahai Muhammad berada di atas akhlak yang agung.”

Ummul Mukminin Sayyidatina Aisyah Radhiallahuanha pula ketika ditanya bagaimanakah akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, beliau menjawab :

“Adalah akhlak Baginda itu cerminan daripada Al-Qur'an.”

Oleh itu saya menyeru para graduan yang diraikan untuk terus menuntut ilmu Al-Qur'an dan yang berkaitan dengannya.

Kuatkan lagi azam untuk meningkatkan lagi ilmu pengetahuan yang sedia ada. Ini termasuk dengan mengikuti kursus-kursus pengajian yang bersesuaian yang disediakan oleh Kerajaan Paduka Ayahanda.

Mudah-mudahan dengan cara ini akan bertambahlah lagi bilangan orang-orang yang berilmu tinggi khususnya dari kalangan para penghafaz Al-Qur'an di negara ini sebagai penyebar ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat.

Menyentuh mengenai penyebaran ilmu yang diperolehi dari Al-Qur'an, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang bermaksud :

“Sebaik-baik kamu ialah orang yang belajar Al-Qur'an kemudian mengajarkannya kepada orang lain?”

Tambahan lagi kedudukan orang yang berilmu mempunyai tempat yang teristimewa di sisi Allah Ta'ala, Tuhan Pemilik segala ilmu sebagaimana firman Allah Ta'ala di dalam Surah Al Mujadalah ayat 11 yang kira-kira bermaksud :

“Allah Ta'ala mengangkat darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang berilmu dengan beberapa darjat.”

Natijahnya apa yang kita harapkan ialah para siswa dan siswi tidak hanya memberikan perhatian setakat hafalan Al-Qur'an semata-mata. Para siswa dan siswi perlu mempelajari ilmu-ilmu lain yang pada hakikatnya juga penting dan mampu menambah nilai dalam usaha untuk lebih memahami serta menghayati Al-Qur'an itu sendiri.

Dalam perkara mempelajari Al-Qur'an ini Paduka Ayahanda dalam titah baginda bersempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2013 Masihi turut mengingatkan bahawa berguru itu ada keberkatan apabila membaca Al-Qur'an, berbeza dengan semata-mata bergantung kepada buku atau *internet* di mana orang boleh saja melakukan kesilapan atau keliru.

Melalui pendekatan sedemikian ini tentunya mampu melengkapkan keupayaan setiap para graduan untuk menonjolkan diri dalam memberikan sumbangan kepada masyarakat lebih-lebih lagi membimbing para belia ke arah merealisasikan ajaran Al-Qur'an dalam kehidupan.

Dari sudut yang berlainan pula, kecepatan penyebaran maklumat tanpa sempadan turut memberikan cabaran kepada ugama kita khususnya kewujudan kepelbagaian aliran kefahaman yang semakin meluas.

Kita semua perlulah lebih berhati-hati dan jangan mudah terjebak kepada mana-mana ideologi baru yang bertentangan dengan prinsip akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang merupakan sendi terpenting dan pegangan masyarakat Islam di negara ini sejak sekian lama.

Sayugia jangan semudahnya menghukum apatah lagi jika hanya bersandarkan pembacaan yang sangat terhad seperti artikel ataupun beberapa buku.

Jika ada persoalan mahupun sebarang permasalahan maka perlulah merujuk kepada ilmuwan-ilmuwan Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan Paduka Ayahanda.

Walaupun mungkin ia dilihat logik pada akal tetapi ingatlah bahawasanya Islam tidak berdiri pada logik semata-mata bahkan sesuatu hukum mahupun keputusan itu hendaklah ianya bersandarkan kepada Al-Qur'an, Sunnah, Ijma' dan Qiyas.

Di sinilah juga pentingnya bagi pihak-pihak yang berkenaan untuk sentiasa peka kepada apa-apa yang berlaku yang boleh menimbulkan salah faham dan perbalahan yang akhirnya membawa perpecahan pada umat Islam di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada para graduan yang diraikan pada hari ini.

Barang setentunya kejayaan ini tidak akan terhasil tanpa adanya semangat gigih, usaha sama dan komitmen pelbagai pihak para ibu bapa, penjaga, tenaga pengajar serta warga Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkuah. Semoga Allah mengurniakan ganjaran yang berkecayaan kepada mereka semua.

Sekian Wabillahir Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
Di Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia
Asia Tenggara Ke-7 Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi di Dewan
Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
pada hari Selasa (Malam Rabu), 2 Zulhijjah 1436 Hijrah /
15 September 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta rahmat-Nya kita berpeluang sekali lagi hadir ke majlis yang berkebakikan lagi berkat ini iaitu Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-7. Penganjuran musabaqah ini adalah salah satu usaha berterusan kerajaan ke arah memperkukuh Syiar Islamiah khusus di kalangan belia Asia Tenggara.

Pada hemat saya ianya bukan hanya sekadar melahirkan sekumpulan belia serantau yang berjaya mempertingkatkan mutu tilawah dan penghayatan isi kandungan Al-Qur'an yang agung. Lebih penting lagi ianya merupakan *platform* keemasan bagi para belia meraih sebanyak boleh keberkatan Al-Qur'an itu sendiri. Al-Qur'an adalah nyata kitab suci dan sumber pedoman serta pegangan kehidupan yang syumul bagi seluruh umat manusia di sepanjang zaman. Keberkatan di sini termasuklah kesepaduan dan kejayaan hakiki kepada para belia Islam serantau.

Perkara ini adalah selaras dengan hasrat murni Paduka Ayahanda untuk menanamkan nilai-nilai luhur kepada generasi belia supaya mereka ini bukan sahaja berjaya dalam bidang pelajaran dan kerjaya masing-masing tetapi juga benar-benar mencintai dan menjiwai Islam. Dalam kata lain kemajuan kerohanian perlu mengimbangi pembangunan fizikal dan ‘material’.

Justeru kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk memperkukuh akhlak dan aqidah generasi belia Islam serantau berlandaskan kepada ajaran Al-Qur’an dan As-sunnah. Di sini jelas sekali kepentingan dan peranan pendidikan *emotional intelligence* atau kecerdasan emosi serta penerapan ilmu pengetahuan kerohanian bagi mempersiapkan diri belia dalam menghayati pengajaran yang terdapat dalam Al-Qur’an dan As-sunnah tersebut. Di samping itu kemahiran dalam menguasai emosi adalah amat berguna dalam membimbing mereka menjadi pemimpin yang berkesan.

Insyaa Allah dengan berbekalkan iman yang kukuh, para belia berkeupayaan tinggi untuk menepis segala bentuk pengaruh negatif yang dibawa oleh arus pembangunan dan globalisasi. Pelaksanaannya tidak terhad di peringkat negara malahan boleh sahaja dilaratkan ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Inilah di antara matlamat utama penganjuran musabaqah ini. Ianya adalah wadah bagi golongan belia Asia Tenggara yang berlainan latar belakang sosio-budaya berinteraksi dan berkongsi pandangan dan pengalaman masing-masing dalam meraih keberkatan Al-Qur’an. Dalam masa yang sama para belia dapat meningkatkan semangat ukhuwah dan perpaduan ummah.

Menyentuh mengenai perkembangan semasa belia serantau, saya amat menghargai pencapaian golongan belia yang semakin menyerlah dalam berbagai bidang. Ini termasuk keusahawanan, kesenian, sukan, pendidikan dan perubatan. Kejayaan tersebut tidak diraih dengan sebegitu mudah. Ianya terhasil daripada usaha yang gigih dan kekuatan jati diri yang disulami dengan sikap daya tahan dan daya saing.

Dalam konteks rantau kita, ASEAN mempunyai penduduk berjumlah 600 juta yang mana sekitar 400 juta atau 65 peratus daripadanya adalah di kalangan yang berusia di bawah 35 tahun. Justeru golongan belia dan remaja memainkan peranan besar dalam menentukan hala tuju pembangunan dan perkembangan masa depan negara dan serantau. Kerana itu para pemimpin ASEAN memberikan keutamaan kepada pembangunan belia serantau di dalam gagasan dan kerangka kerja komuniti Sosio-Budaya dan Sosio-Ekonomi ASEAN.

Penglibatan golongan belia dalam proses pembangunan komuniti ASEAN adalah sangat penting khususnya dalam bersama-sama menangani cabaran sejagat termasuk '*youth employment*'. Ke arah itu berbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan menerusi dasar yang disepakati.

Ini termasuk meningkatkan lagi kesaling-hubungan rangkaian perhubungan di kalangan para belia bagi memudahcara perkongsian kepakaran belia serantau. Saya percaya perkongsian tersebut pula dapat mencetus satu sinergi yang boleh memacu pembangunan sosio-ekonomi negara dan serantau dengan kadar yang lebih cepat.

Ringkasnya sekiranya golongan belia hari ini memiliki akhlak mulia dan berhemah tinggi dengan berpegang teguh kepada Al-Qur'an serta diadun dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang tinggi di peringkat serantau Insya Allah, akan seterusnya memudahcara keberhasilan bagi menjana rantau yang aman makmur dan progresif yang diberkati Allah Subhanahu Wata'ala. Dengannya jua kesejahteraan rakyat dan negara akan lebih terjamin.

Oleh itu saya berpendapat bahawa sudah tiba masanya bagi pihak-pihak yang berkenaan untuk memikirkan ke hadapan satu program pembangunan kebelaian serantau yang menekankan kedua-dua aspek duniawi dan ukhrawi yang menjurus kepada kecemerlangan ummah, peradaban dan tamadun serantau.

Akhir kata dengan mendahulukan kalimah ‘Bismillahir Rahmanir Rahim’ selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Musabaqah Tilawatil Qur’an Belia Asia Tenggara Ke-7.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan
di Jabatan Perdana Menteri,
Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)
Sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-13 Sekolah
Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja
Brunei di Perkhemahan Sungai Akar,
pada hari Khamis, 9 Muharram 1437 Hijrah /
22 Oktober 2015 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin Wa'ala 'Aalihie
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SAYA mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua kita dapat hadir ke Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-13 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang permai ini.

Saya seterusnya mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pegawai kadet di atas kejayaan menamatkan latihan yang dihiasi lagi dengan pertunjukan perbarisan yang sangat rapi dan tersergam indah.

Setentunya hasil kejayaan ini adalah gandingan usaha gigih yang berterusan, komitmen yang mendalam, disiplin yang tinggi dan semangat kerjasama berpasukan yang mantap.

Pada hemat saya pengurniaan tauliah sebagai Pegawai Tentera adalah satu amanah negara dan tanggungjawab murni yang menghendaki pengorbanan dan komitmen yang berterusan.

Ini kerana tanggungjawab menjaga keselamatan dan pertahanan negara terletak di bahu Pegawai Kadet yang bakal mewarisi kepimpinan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Justeru saya berharap pengurniaan tauliah pada pagi ini sayugia dijadikan asas bagi memantapkan lagi tahap fizikal, mental, spiritual dan intelektual setiap pegawai kadet.

Hasrat kita adalah jelas untuk melahirkan modal insan yang terurus rapi atau *well organized*; profesional dan memiliki keyakinan diri atau *self-confidence* yang tinggi di dalam institusi pertahanan negara.

Individu yang berkeyakinan tinggi akan berusaha dengan lebih gigih dan menggunakan sebaiknya keupayaan berfikir secara analitikal dalam mencari penyelesaian.

Di samping itu mereka tidak mudah berputus asa apabila melakukan apa jua tugas biarpun adanya pelbagai cabaran dan permasalahan yang timbul.

Menyentuh mengenai kepimpinan, saya ingin mengingatkan setiap pegawai kadet untuk sentiasa mengamalkan prinsip *servanthood* dalam kepimpinan masing-masing nanti.

Tanggungjawab seorang pemimpin hendaklah memastikan setiap yang dipimpnnya mendapat dorongan dan sokongan yang mereka perlukan pada setiap masa.

Ini lebih-lebih lagi semasa melaksanakan serta menyelesaikan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka.

Sesungguhnya sikap keprihatinan dan pemedulian sedemikian bukan sahaja mampu membina keyakinan serta mendorong kompetensi mereka malah ianya boleh mengelakkan wujudnya *positional mindset* pada diri pemimpin itu sendiri yakni yang lebih mementingkan kedudukan dan pangkat semata-mata.

Di samping itu setiap pegawai kadet haruslah waspada terhadap pengaruh-pengaruh luar yang bertentangan dengan nilai-nilai luhur agama, keperibadian dan budaya bermasyarakat.

Janganlah ada di antara pegawai-pegawai tentera terjebak dengan gejala-gejala yang tidak sihat.

Selain itu jalinan hubungan yang rapat dengan negara-negara sahabat juga satu aspek penting dalam menjaga keselamatan serantau dan antarabangsa.

Kita akan terus memupuk kerjasama terutama atas dasar kepentingan bersama dan *inter-dependency* bagi menjaga keselamatan serantau.

Inisiatif-inisiatif atau program-program kearahmempertingkatkan diplomasi pertahanan perlu diperluaskan bukan sahaja di peringkat strategik bahkan juga di peringkat taktikal.

Menyebut mengenai kerjasama dua hala. Saya difahamkan bahawa Sekolah Pegawai Kadet telah maju setapak lagi di mana latihan kepimpinan dua hala dengan negara New Zealand telah diungkayahkan pada tahun ini.

Ianya bertujuan untuk meningkatkan lagi nilai latihan melalui pendedahan kepada pengalaman dan kaedah pembelajaran yang baru.

Latihan seumpama ini dipercayai akan melahirkan pemimpin tentera yang peka kepada *best practices*, teknik operasi yang lebih mantap dan budaya serta etika kerja angkatan tentera yang lebih baik.

Penempatan Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke prasarana yang baru dengan fasiliti yang canggih dan moden di Kampung Tanah Jambu juga menggambarkan perkembangan yang signifikan.

Saya percaya bahawa dengan adanya fasiliti tersebut suasana pembelajaran dan latihan akan lebih kondusif serta meletakkannya sebagai institusi latihan ketenteraan terkenal di rantau ini.

Oleh itu saya menyeru semua pihak terutama pengurusan tertinggi Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei supaya sentiasa berusaha menjaga prestasi dan prestij Sekolah Pegawai Kadet sesuai dengan wawasan sekolah sebagai Pusat Kecemerlangan dalam melahirkan pegawai-pegawai yang berkualiti tinggi.

Perancangan sumber tenaga manusia harus diatur dengan lebih sistematik demi melahirkan barisan pelapis dan pemilihan jurulatih-jurulatih yang layak dan berwibawa.

Akhir kata saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan khususnya Komandan, Pegawai Pemerintah, *Colour Sergeant* dan pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih yang telah bertungkus lumus melatih dan mendidik pegawai-pegawai kadet sehingga sampai ke tahapnya.

Setinggi-tinggi tahniah juga diberikan kepada para ibu bapa serta keluarga pegawai-pegawai kadet yang telah banyak berkorban dan memberikan sokongan bagi kejayaan pegawai-pegawai kadet.

Maka dengan merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' saya sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kepada 27 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ke-13.

Sekian Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

